

BH Anwar setuju Hanif dilantik

4 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi persetujuan berhubung pelantikan bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Hanif Omar sebagai pengarah Resort World Bhd - sebuah syarikat dalam Kumpulan Genting Bhd, pada awal 1994.

Persetujuan itu yang disertakan tanda tangan ringkas Anwar, tercatat dalam minit berasingan yang ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan, Yusoff Salleh pada

31 Januari 1994.

Anwar apabila ditunjukkan dokumen minit berasingan itu oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, mengakui dia yang menulis tanda tangan ringkas yang disertakan perkataan 'setuju' pada minit itu.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga bersetuju bahawa sebarang perubahan pada lembaga pengarah Resort World perlu mendapat persetujuannya yang ketika itu menjadi Menteri Kewangan.

Bagaimanapun, katanya, beliau memberi persetujuan itu selepas diarahkan oleh

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu, Abdul Gani memberitahu mahkamah bahawa pendakwa mengemukakan soalan mengenai pelantikan Mohd Hanif bagi mencabar kewibawaan Anwar yang dalam keterangannya membantah pelantikan itu.

Kepada soalan Abdul Gani, Anwar berkata bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor datang ke rumahnya bersama timbalannya, Tan Sri Norian Mai dan dua pegawai lain pada awal Ogos 1998.

"Dalam pertemuan itu, beliau (Abdul Rahim) menyatakan bahawa buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* dan tohmahan Ummi Hafilda Ali serta Azizan Abu Bakar ke atas saya telah disiasat.

"Dan beliau menganggap perkara itu hambar atau *rub-bish*. Ketika itu beliau hanya membangkitkan soal pemeriksaan DNA," katanya.

Anwar berkata, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah pula mengadakan beberapa pertemuan dengannya pada akhir Julai dan awal Ogos 1998 berhubung toh-

pengarah Resort World

mahan dan buku berkenaan.

Katanya, Peguam Negara memberitahunya bahawa tohmahan itu tidak berasas dan memintanya mengemukakan saman terhadap me-reka serta menyerahkan kepada beliau (Mohtar) untuk mengambil tindakan ke atas penerbit dan pengarang buku berkenaan.

Anwar berkata Peguam Negara dan bekas Ketua Polis Negara membuat kenyataan itu pada bulan berkenaan selepas laporan polis dibuat mengenai perkara itu Jun tahun yang sama.

"Peguam Negara umpama-

nya, membincang secara teliti mengenai buku *50 Dalil* selepas mendapat maklumat polis, malah Tan Sri Mohtar menunjukkan senarai peguam untuk saya gunakan dalam kes sivil saya," katanya.

Sebelum itu, Anwar memberitahu mahkamah bahawa Sukma Darmawan Sasmitaat Madja tinggal bersama bapanya di Petaling Jaya sejak 1975 sebelum beliau berkahwin dengan Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Katanya, Sukma Darmawan tinggal bersamanya ketika beliau berpindah ke Subang Jaya

dan Seksyen 14 Petaling Jaya serta di rumahnya Nombor 8, Jalan Setiamurni Satu, Bukit Damansara. -

Menjawab soalan, Anwar berkata beliau ada memberi bantuan kecil kepada Sukma Darmawan untuk membeli sebuah unit pangsapuri di Tivoli Villa, Bangsar.

Katanya, ketika itu Sukma Darmawan terbabit dalam perniagaan rekaan dalaman dan penjualan permainan serta keluarganya di Indonesia adalah golongan berada.

Perbicaraan bersambung esok.